

Analisis Rangka Rujuk Silang dalam Pantang Larang Suku Kedayan di Brunei: Fokus kepada Aspek Kehamilan dan Bersalin

Bridging Cross Reference Analysis on the Sacred Prohibition among the Kedayans in Brunei: A Focus on Their Maternal Processes.

ERNIE ZAHDINA HAJI MD SERUDDIN

ABSTRAK

Artikel ini menganalisis pantang larang suku Kedayan dengan berfokus kepada pantang larang ketika mereka sedang hamil dan bersalin (atau semasa berpantang). Data kajian ini ialah menganalisis pantang larang kategori amalan kesihatan. Daripada segi kerangka teori, penulis menggunakan Rangka Rujuk Silang dalam bidang pragmatik untuk menganalisis data. Dalam hal ini, penulis memilih sebuah terbitan yang mengulas Rangka Rujuk Silang secara mendalam, yang dihasilkan oleh Matsui (2000). Rangka Rujuk Silang berupaya menentukan andaian-andaian atau konteks yang diperlukan untuk mentafsir ujaran pantang larang. Secara teorinya, jika sesuatu ujaran mengandungi andaian konteks yang banyak, maka kesan konteks akan menjadi tinggi dan seterusnya kos memproses menjadi rendah. Ini seterusnya menyebabkan sesuatu ujaran itu menjadi relevan untuk pendengar. Dalam hal ini, pantang larang dalam kategori amalan kesihatan mampu dikenal pasti andaian-andaian implikatur atau andaian rujukannya dengan berdasarkan anteseden ataupun maklumat konteks budaya yang terdapat pada pendengar. Rangka rujuk silang yang dibentuk juga bersifat nyata dan dapat dicapai daripada maklumat ensiklopedia pendengar.

Kata kunci: Kedayan; hamil; bersalin; Rangka Rujuk Silang; Teori Relevan

ABSTRACT

This article analyses the sacred prohibition among Kedayan people with special focus on the maternal process, i.e during pregnancy and childbirth. Data analysed includes the sacred prohibition related to health. In terms of the theoretical framework, the study employed the Bridging Cross Reference by Matsui (2000) as a seminal reference. The Bridging Cross Reference approach is deemed as appropriate in identifying the assumptions or contextual interpretation according to the utterance with regards to sacred prohibition. The Relevance Theory in this study reveals that if the utterance presented were equipped with sufficient contexts, implicit meaning of the utterance can therefore be interpreted easily and vice versa. In this case, of the well-being sacred prohibition amongst the Kedayan was identified as the most appropriate approach to identify the factual implicative assumptions and references portrayed by the antecedents as well as the contextual cultural information. These elements indeed provide supplement information for the listener to process ambiguity utterance.

Keywords: Kedayans; pregnancy' childbirth; Bridging Cross Reference; Relevant Theory

PENGENALAN

Suku Kedayan merupakan penduduk bumiputera yang kedua terbesar di Brunei. Daripada segi sejarah, mereka telah bertapak di Brunei sejak ratusan tahun lalu. Selain terdapat di Brunei, suku ini juga tersebar di bahagian Utara Sarawak dan Labuan. Seperti masyarakat bumiputera lain di Alam Melayu (contohnya Melayu, Iban, Bugis, Jawa dan sebagainya), komuniti suku Kedayan juga mengamalkan pelbagai pantang larang dalam kehidupan mereka, baik perkahwinan, kelahiran, semasa melakukan kegiatan seperti menanam padi, memburu, ke hutan dan sebagainya. Makalah ini

berfokus kepada pantang larang yang diajukan kepada wanita Kedayan ketika mereka sedang hamil dan semasa bersalin. Pada kelazimannya, sesuatu pantang larang adalah disampaikan dalam bentuk ujaran, seperti ujaran yang berbentuk interaksi. Namun demikian pendengar lazimnya bertindak sebagai penerima pasif kerana pantang larang tersebut biasanya diterima tanpa banyak persoalan daripada mereka. Jadi agak sukar untuk kita mengetahui makna tersirat yang terkandung dalam sesuatu ujaran pantang larang. Untuk memahaminya, perlu dilakukan satu analisis pragmatik dengan menggunakan konsep Rangka Rujuk Silang.

PERMASALAHAN KAJIAN

Jika dilihat pada kosa ilmu bidang pragmatik yang berkaitan dengan menginterpretasi ujaran berdasarkan konsep Rangka Rujuk Silang (*Bridging Cross Reference* atau *Bridging Reference*), didapati bahawa konsep ini masih belum diaplikasikan dengan matang dalam kajian ilmiah. Rangka Rujuk Silang yang menduduki posisi mustahak dalam teori tersebut (Wilson & Matsui 1998) masih menampakkan kekurangan kerana belum ada penelitian yang tuntas mengenainya. Sebagai contoh, dalam buku Nor Hashimah Jalaluddin (1992), beliau cuma menyatakan secara sipi sebagai salah satu subtopik sahaja. Tinjauan perpustakaan mendapati tidak ramai sarjana tempatan yang mengkaji tentangnya, antara yang sempat dikenal pasti cuma kajian Wong (2014), Ahmad Harith Syah & Suzzana Bte Othman (2012) dan Ahmad Harith Syah & Nor Hashimah Jalaluddin (2009). Fenomena ini jauh berbeza dengan ilmu pragmatik barat yang menyaksikan keterhadapan kajian Rangka Rujuk Silang sehingga buku penyelidikan lengkap mengenainya telah pun diterbitkan; lihat Matsui (2000), dan juga Wilson & Matsui (1998). Selain itu, kajian Yan (2000) yang berkenaan dengan anafora tidak kurang juga membincangkan tentang rangka rujuk silang daripada sudut anafora. Bertitik tolak daripada kekurangan kosa ilmu ini di alam Melayu, artikel ini menuruti model kajian Matsui (2000) untuk mengenal pasti andaian-andaian implikatur yang diperlukan untuk mentafsir sesuatu ujaran pantang larang. Dalam erti kata lain, kajian ini menganalisis data ujaran pantang larang dengan berpandukan hasil kajian Matsui yang lebih lengkap dan bernas daripada segi huraian tentang Rangka Rujuk Silang.

METODOLOGI KAJIAN

Dalam kaedah kajian, pengkaji menggunakan kaedah kajian lapangan, pengkaji berfokus kepada informan wanita yang berusia 50 tahun ke atas. Selain itu, informan lelaki daripada golongan tua juga diwawancara untuk mendapatkan data etnografi mengenai suku Kedayan di Brunei. Kesemua informan ini dipilih dengan berdasarkan kaedah berfokus, iaitu tertumpu pada informan mengikut kategori yang ditetapkan dan penduduk yang berpengetahuan tentang pantang larang. Semasa berada di lapangan, bukan semua informan yang disasarkan sudi bekerjasama memberikan maklumat,

sehubungan dengan itu, penulis berfokus pada mewawancara informan yang sudi ditemu bual sahaja.

Daripada segi soal selidik, oleh kerana kajian ini berbentuk kualitatif, maka tiada soalan yang direka khusus untuk mengambil data kuantitatif. Reka bentuk soalan pada umumnya berkaitan dengan pantang larang yang diamalkan ketika hamil dan bersalin. Soalan-soalan ini diutarakan kepada mereka secara lisan dan informan juga dikehendaki menjawabnya secara lisan. Hasil wawancara dirakam dengan menggunakan alat rakaman. Rakaman wawancara kemudian akan ditranskripsikan ke dalam bentuk aksara Rumi untuk tujuan analisis. Walaupun penutur suku Kedayan tersebar luas di Brunei, kajian ini memilih informan yang tinggal di kampung tersebut kerana golongan yang tinggal di kawasan tersebut lebih berpengetahuan tentang kebudayaan Kedayan daripada golongan yang telah berhijrah ke bandar.

Hasil kajian ke atas tiga peringkat umur mendapati bahawa data lebih mudah diperoleh dari golongan tua jika dibandingkan dengan golongan pertengahan atau muda. Secara ringkas, informan yang berusia 50 tahun ke atas amat mementingkan pengamalan pantang larang ketika hamil dan ketika bersalin. Setelah dibandingkan data antara individu, didapati amalan ini agak universal dalam kalangan mereka, iaitu terdapat banyak persamaan, di samping beberapa perbezaan. Pengkaji memilih data yang memperlihatkan persamaan dengan informan yang lain sebagai data analisis.

Daripada segi sumber manusia pengkajian, kajian ini dilakukan oleh pengkaji sendiri tanpa pembantu lapangan. Kelebihan pengkaji terlibat sendiri dalam kajian lapangan ialah berupaya memperoleh atau mempelajari ilmu pengetahuan secara langsung dari informan. Cara ini membolehkan pengkaji menulis dengan menggunakan data alamiah yang disampaikan secara langsung kepada pengkaji. Sebaliknya, jika kajian dibuat melalui pembantu penyelidik lapangan, data yang digunakan untuk analisis telah bertukar status kepada “data sekunder” dan kita kekurangan konteks untuk menginterpretasikan data tersebut. Dengan kelayakan pengkaji dalam bidang linguistik pada peringkat Sarjana Muda dan Sarjana, pengkaji telah dilengkapi dengan pengalaman dan teknik-teknik untuk mencungkil data dari lapangan.

Dalam pemilihan data, terdapat dua kategori data yang dikumpulkan, iaitu maklumat etnografi (termasuk sosio-masyarakat) dan pantang larang.

Data etnografi diperlukan untuk membincangkan latar belakang suku Kedayan secara terperinci manakala data pantang larang digunakan sebagai inti pembahasan dan analisis untuk tesis ini. Sehubungan dengan itu, pengkaji amat tegas daripada segi pemilihan dan penapisan data pantang larang yang dikumpulkan. Dalam hal ini, pengkaji hanya berfokus kepada data pantang larang yang:

- i. Dimiliki sejagat: Setelah penulis memperoleh sesuatu data pantang larang dari informan A, penulis akan mengesahkan kewujudannya dengan informan B dan C. Tujuannya ialah untuk mengelakkan informan daripada mereka cipta sesuatu pantang larang berdasarkan persepsi atau cita rasa individu. Jika disahkan benar, barulah penulis memilihnya.
- ii. Pantang larang yang berstruktur: Maksudnya ialah penulis hanya akan memilih pantang larang yang mengandungi bahagian ayat pertama dan bahagian ayat kedua untuk sesebuah pantang larang. Pantang larang yang berstruktur sedemikian merupakan sesuatu bentuk ujaran dan boleh dianalisis andaian-andaian atau anteseden dalam ayat tersebut.
 - Jika tidak membuat/melakukan A, maka akan B
 - Jangan membuat/melakukan A, akan B
 - Membuat/melakukan A, akan B

KERANGKA TEORI

Kajian ini berfokus pada pantang larang suku Kedayan di Brunei yang diujarkan, terutamanya oleh golongan tua. Makna implisit pantang larang tersebut dianalisis dengan Teori Relevans yang dipelopori oleh Sperber & Wilson (1986, 1995). Teori ini ditafsirkan bersesuaian kerana mesej yang tersirat dalam pantang larang mempunyai usaha memproses yang berbagai. Sebagai contoh, terdapat pantang larang yang tidak memerlukan kesan konteks yang tinggi untuk menafsirkannya misalnya, *Sebelum habis pantang isteri tidak boleh bersetubuh dengan suami*. Penutur secara langsung akan mengetahui bahawa ini adalah kerana saluran peranakan belum sembuh, manakala ada pantang larang yang memerlukan maklumat ensiklopedia yang banyak dan pengetahuan kebudayaan suku Kedayan yang mendalam misalnya, *hisap air hujung rambut ketika lepas mandi, Perempuan akan mudah beranak*.

Sesungguhnya, selain menganalisis pantang larang dengan melihat konteks, kesan konteks dan usaha memprosesnya, kajian ini juga berfokus kepada mengenal pasti maklumat ensiklopedia yang diperlukan untuk pentafsiran ujaran. Ini kerana hanya dengan cara ini, aspek-aspek implisit sesuatu ujaran dapat diterokai. Konsep Rangka Rujuk Silang yang terdapat dalam Teori Relevans mampu dijadikan pendekatan untuk tujuan tersebut. Oleh kerana konsep ini belum popular di alam Melayu, maka terjemahan untuk konsep ini daripada bahasa Inggeris, iaitu *Bridging Cross Reference*, *Bridging Reference* masih ada ruang perdebatannya. Konsep ini boleh diterjemahkan sebagai “Rujuk Perantara”, namun untuk mengikut kelaziman penggunaannya, tesis ini tetap menggunakan nama *Rangka Rujuk Silang*, seperti yang dicatatkan dalam buku Nor Hashimah (1992), akan tetapi perlu diperhalusi dengan rujukan-rujukan terkini. Konsep ini mula diperkenalkan oleh Kempson (1986). Menurut Nor Hashimah (1992), Rangka Rujuk Silang adalah sesuatu ujaran yang tidak mempunyai anteseden, yang dapat mengaitkan ayat kedua dengan ayat pertama dalam satu wacana bagi membantu pendengar untuk mentafsir ujaran. Anteseden yang diperlukan tidak wujud langsung sama ada daripada kandung eksplisitnya mahupun gambaran visualnya. Rangka Rujuk Silang mesti melibatkan sekurang-kurangnya dua ayat selapis yang dapat dilakukan oleh penutur bagi membantu pendengar memahami ujarannya adalah dengan memberi premis tambahan yang dapat menjadi sebahagian daripada konteks. Pendengar pula akan menggunakan premis tambahan itu mengesan anteseden yang diperlukan bagi memahami makna sebenarnya yang dihajati oleh penutur. Premis tambahan dalam Rangka Rujuk Silang yang dimaksudkan oleh Kempson (1986) dalam Nor Hashimah (1992) dinamakan sebagai *Bridging Implicatur* oleh Clark & Haviland (1977). Dalam hal ini, penulis menterjemahkannya sebagai Rangka Implikatur, iaitu satu premis ensiklopedia yang wujud di antara dua ayat yang membantu penutur memahami ujaran. Dalam implikatur perantara, satu andaian berkontekstual baru, yakni pangkal fikir baru akan dibentuk oleh pendengar tentang rujukan yang dikehendaki apabila rujukan itu tidak dinyatakan secara eksplisit. Berikut dipaparkan satu contoh penerangan yang ringkas:

- (1) a. Jane has a new house. *The front door is blue.*
- b. Susan sent her meal back. *The steak was underdone.*

Untuk menginterpretasi frasa nama *the front door* dan *the steak*, pendengar perlu memiliki rujukan yang berasal daripada pengalaman atau pengetahuan. Rujukan ini tidak dinyatakan secara eksplisit dalam ujaran sebelumnya. Salah satu caranya ialah dengan menambahkan andaian (*assumption*) berikut ke dalam frasa nama yang berhuruf condong:

- (2') a. Jane's new house has a front door.
b. Susan's meal included steak.

Andaian ini boleh dikatakan "menjambatani jurang" antara apa yang dinyatakan secara eksplisit dalam bahagian pertama ujaran dengan rujukan yang diperlukan dalam bahagian ujaran yang kedua. Andaian ini boleh disebut sebagai Rangka Andaian (*Bridging Assumptions*) (Matsui 2000). Secara ringkas, sama ada andaian perantara, implikatur perantara mahupun premis tambahan adalah berkait dengan bidang pragmatik. Ini sejajar dengan hujah Matsui (2000) iaitu "*bridging, which involves going beyond what is explicitly stated in the utterance, is clearly a pragmatic rather than a strictly semantic phenomenon, and must be investigated by primarily pragmatic means*".

Dalam Teori Relevans, sesuatu relevan yang optimal ditentukan oleh dua faktor, iaitu kesan kognitif (*cognitive effect*) dan usaha memproses (*processing effort*). Dalam usaha memproses sesetengah ujaran, kemungkinan kadar signifikannya berbeza mengikut keadaan. Kadang-kadang sesetengah rangka andaian mudah diperolehi, dan pada masa yang lain adalah sebaliknya. Salah satu faktor yang mempengaruhi kebolehcapaian rangka andaian ialah kandungan entri ensiklopedik pendengar, yang sama ada kaya ataupun kurang. Contohnya jika pendengar adalah seorang peminat drama Shakespeare, maka rangka andaian dalam ujaran (3) adalah mudah diperolehi pada ujaran (4) *John and Mary went to see a play last night. The three witches were excellent* iaitu dia akan dengan mudahnya mengetahui bahawa *the three witches* adalah watak dalam drama Macbeth oleh Shakespeare.

Seperti yang diterangkan sebelum ini, maklumat kontekstual mempengaruhi usaha proses dalam Teori Relevans dan penting untuk menginterpret ujaran dan mencapai kesan kognitif yang mencukupi. Dengan itu, ujaran (4) *John and Mary went to see a play last night. The three witches were excellent* boleh diinterpretasi sebagai ujaran yang boleh

diterima jika mempunyai maklumat kontekstual lain. Maklumat kontekstual untuk (4) mungkin seperti berikut:

- (3) John and Mary went to see Macbeth last night.
The three witches were excellent
(4') Mary: John and I have never seen a play together
Jane: You should see one at all costs. There is a good production of Macbeth currently on at the National.

(seminggu kemudian)

Mary (to Jane): John and I went to see a play last night. The three witches were excellent.

Dalam contoh ini, maklumat kontekstual ialah: Jane dan Mary pernah bercakap tentang drama Macbeth seminggu yang lalu, maka kini apabila Jane mendengar tentang ujaran Mary yang ada frasa *the three witches*, secara langsung Jane akan mengaitkannya dengan drama Macbeth. Dengan berdasarkan maklumat kontekstual tersebut, ujaran Mary lebih difahami oleh Jane daripada oleh orang lain yang tidak pernah bercakap dengan Mary.

Secara keseluruhannya, dapat dirumuskan bahawa istilah yang muncul seperti *andaian implikatur*, *andaian/maklumat kontekstual*, *rangka andaian* membawa konsep yang sama, iaitu "konteks" dalam Teori Relevans. Untuk mencapai relevan yang optimal dalam interpretasi ujaran, pendengar akan memilih konteks daripada sesuatu sumber untuk memproses ujaran agar konteks tersebut memberi kesan kognitif yang memadai dan usaha memproses yang minimal. Dalam menginterpretasi ujaran, konteks juga diperkembangkan untuk mencari relevan yang optimal. Dalam hal ini, sumber andaian tidak terhad kepada maklumat yang digambarkan secara eksplisit; pemilihan andaian yang bersesuaian bergantung kepada kriteria konsistensi dengan prinsip relevan; dan, andaian (konteks) yang diperlukan bersifat kebiasaan (idiosinkratik) serta diperolehi dari pelbagai sumber. Berikut merupakan penerangan bagaimana sesuatu konteks diperkembangkan untuk mencari relevan yang optimal. Perhatikan contoh (5):

- (5) Peter: Jane didn't come to the seminar today
John: Agassi¹ was playing a match this afternoon

Ternyata, ujaran ini tidak relevan kerana memerlukan usaha memproses yang tinggi. John

tidak menyahut hujah Peter secara langsung. Beliau seharusnya menerangkan sebab Jane tidak hadir ke seminar tetapi jawapan yang diberikannya berkenaan dengan perlawanan tenis oleh Agassi. Jadi ujaran John tidak memberi kesan kognitif yang memadai. Peter tidak akan memahami ujaran ini melainkan dia mempunyai rangka andaian atau konteks seperti: “Jane adalah peminat setia Andre Agassi” dan “Jane tidak pernah ketinggalan mengikuti setiap perlawanan Agassi”. Untuk mencapai kerelevanan yang optimal untuk ujaran sedemikian, Matsui (2000) menganjurkan tiga cara, iaitu:

- (a) menghasilkan implikasi andaian apabila bergabung dengan informasi yang berasal dari ujaran Peter;
- (b) memperkukuhkan andaian yang sedia ada;
- (c) menafikan dan menyisihkan andaian yang sedia ada.

Jadi untuk menginterpretasi ujaran John, perlu ada jawapan tentang ketidakhadiran Jane. Jawapannya boleh berasal daripada implikasi kontekstual ujaran John yang mengandungi andaian-andaian seperti:

“Jane is a great fan of Agassi”,
 “If there is a match in which Agassi plays, she will never miss it”,
 “in order to watch Agassi’s match, she may skip a seminar” dan sebagainya.

Berdasarkan sedutan ringkas dari buku Matsui (2000), jelas bahawa Rangka Rujuk Silang adalah satu konsep yang amat membantu dalam mengenal pasti andaian-andaian yang diperlukan untuk menginterpretasikan sesuatu ujaran implisit. Andaian-andaian ini akan menentukan usaha dan kos memproses sesuatu makna. Justeru kerana kelebihan konsep ini, penulis mengaplikasikannya untuk menganalisis ujaran pantang larang dengan tujuan mencungkil makna-makna tersirat yang mendorong seseorang akur atau patuh pada sesuatu pantang larang.

DATA ANALISIS

Data yang dipilih untuk analisis terdiri daripada pantang larang yang bersifat amalan kesihatan, iaitu amalan-amalan yang diketengahkan kepada seseorang wanita agar memastikan kesihatan terjaga

sepanjang hamil dan selepas bersalin (terutamanya ketika berpantang). Berikut adalah 7 contoh pantang larang yang dianalisis.

//Jaan minum aing sajuk. Bagi kambuh dan mangalatar badan// Jangan minum air yang sejuk. Akan memberi kambuh dan menggigil badan
//Jaan babangkang masa bakamih. Takut basaa kang kuyaknya// Jangan kengkang-kengkang semasa kencing. Takut lukanya jadi koyak besar.
//Bahiaa jaan mangajan kuat. Banyakkan minum aing atau aing sup// Berak jangan meneran dengan kuat. Perlu banyak minum air atau air sup dengan banyak.
//Minum aing kunyit. Paranakan bulih kacut// Minum air kunyit. Peranakan boleh dkecutkan.
//Minum talu hayam, isinya kuning atu campuu madu sama halia sadikit. Muaah baanak tu// Minum telur ayam isi kuning campur madu dan halia sedikit. Akan mudah semasa beranak.
// Inda bulih bajalan masa hujan haie batian. Kang badan uang batian jadi damam// Tidak boleh berjalan di hujan semasa hamil. Nanti badan si ibu akan demam.
//Sabalum abis pantang, nda bulih bamput. Bahaya untuk bini// Sebelum habis pantang tidak boleh bersetubuh. Bahaya untuk isteri.

ANALISIS DATA

Bahagian ini menganalisis pantang larang suku Kedayan dengan Rangka Rujuk Silang dalam Teori Relevan. Fokusnya tertumpu pada menganalisis makna pantang larang jenis amalan kesihatan sahaja dengan berpandukan kerangka kajian kontemporari oleh Matsui (2000). Bentuk tatacara analisis adalah seperti berikut:

- a) Menghuraikan makna linguistik sesuatu pantang larang.
- b) Mengenal pasti Rangka Rujuk Silang yang berkaitan.
- c) Menganalisis daripada segi konteks, kesan konteks dan usaha memproses.

DATA 001:

//Jaen minum aing sajuk. Bagi kambuh dan mangalatar badan//
 Jangan minum *air sejuk*. Akan memberi *kambuh* dan menggigil badan

Pantang larang ini melarang ibu yang bersalin (terutamanya semasa berpantang) agar jangan minum air sejuk. Jika melanggar pantang larang ini, dia akan mengalami *kambuh* (jatuh sakit yang teruk), kesejukan malah mengakibatkan saluran peranakan kembang dan lambat sembuh. Apabila dilihat daripada sudut makna linguistik, didapati makna dengan konteks ujaran pantang larang ini adalah bertepatan dan kurang unsur kata implisit (tersirat). Pantang larang ini jelas menunjukkan hubungan antara *air sejuk* dengan kesannya terhadap badan, iaitu bergigil dan sebagainya. Namun demikian, hubungan antara *minuman sejuk* dengan *kambuh* tetap memerlukan tafsiran pragmatiknya.

a) *Rangka Rujuk Silang*

Bagi menginterpretasikan ujaran ini, pendengar perlu memiliki rujukan yang berasal daripada pengalaman atau pengetahuan sedia ada untuk mendapatkan relevan yang optimum. Oleh itu, Rangka Rujuk Silang atau konteks andaian yang mungkin dibentuk oleh pendengar ialah:

- 1) Banyak kesan negatif kepada badan jika seseorang minum air sejuk, misalnya menyebabkan batuk, sakit perut dan sebagainya.

Andaian ini dibentuk dengan berdasarkan anteseden *air sejuk* yang terdapat pada bahagian pertama ayat. Adjektif “sejuk” secara langsung mengakibatkan pendengar mengaitkan dengan kesan-kesan negatif yang bakal timbul berdasarkan pengalaman hidup mereka. Persoalan di sini, bagaimanakah minum minuman sejuk akan menjadikan *kambuh* dan badan akan menggigil ketika dalam pantang? Hal ini perlu dijelaskan dengan menggunakan konsep *ad hoc*. Oleh kerana ujaran pantang larang ini adalah ujaran yang berimplikatur, jadi pemahaman diteruskan apabila pendengar mengaplikasikan dengan konsep *ad hoc* penyempitan. Konsep ini diperkenalkan oleh Basalou (1987). Konsep ini merupakan komponen pemikiran penutur yang diinterpretasikan oleh pendengar pada satu-satu masa yang sifatnya agak spesifik dan sementara. *Ad hoc* penyempitan digunakan

untuk mengukuhkan konsep yang di kod oleh item tersebut yang diperoleh daripada entri ensiklopedia konsep yang disempitkan. Dalam hal ini, frasa “kambuh dan menggigil badan” didapati dapat membantu menyempitkan maksud pada skop yang lebih kecil, iaitu menjadi rujukan kepada pendengar untuk mengaitkan dengan tubuh badan yang selepas bersalin. Penggunaan *ad hoc* penyempitan ini bukan bermakna menolak makna linguistik tetapi untuk memudahkan pendengar mendapatkan makna sebenar iaitu merujuk kepada kesihatan wanita yang baru sahaja bersalin, misalnya mengakibatkan masalah pada urat badan dan rahim lambat mengecut.

b) *Analisis Relevan*

Dengan Rangka Rujuk Silang yang dibina oleh pendengar berdasarkan pengetahuan dan pengalaman seperti di atas, pendengar mampu mentafsirkan makna ujaran pantang larang DATA 001 dengan mudah, walaupun hanya satu andaian implikatur yang dibina. Andaian tersebut bersifat semi-implisit, sehubungan dengan itu, ia memberi kesan konteks yang tinggi, iaitu pendengar mempunyai maklumat rujukan yang cukup untuk memahaminya. Daripada segi usaha memproses, berdasarkan Teori Relevan jika kesan konteks tinggi, maka secara langsung usaha memproses menjadi rendah. Jadi di sini, kesan konteksnya tinggi dan usaha memproses itu rendah. Oleh itu, pendengar tidak susah untuk mentafsir mengapa wanita yang bersalin dilarang meminum air sejuk (iaitu jika meminum air sejuk, pelbagai masalah kesihatan akan timbul kerana pada ketika itu, badan masih lemah).

DATA 002:

//Jaen babangkang masa bakamih. Takut basaa kang kuyaknya//
 Jangan *kangkang-kangkang* semasa *kencing*. Takut *lukanya jadi koyak* besar.

Pantang larang ini berkaitan dengan amalan selepas bersalin, iaitu tidak boleh mengangkang selepas melahirkan. Daripada segi perubatan, terdapat hubung kait antara fisiologi badan dengan aktiviti yang dilakukan.

a) *Rangka Rujuk Silang*

Dalam DATA 002, ujaran tersebut juga tidak memerlukan usaha memproses yang tinggi kerana anteseden pada bahagian pertama ayat, iaitu *kangkang-kangkang* dan *kencing*. Pendengar akan ketahui bahawa frasa *luka menjadi koyak* adalah

merujuk kepada bahagian kemaluan perempuan yang bersalin dengan membina andaian Rangka Rujuk Silang berikut:

- 1) Aktiviti mengangkang dan kencing adalah aktiviti yang berkait dengan kemaluan.
- 2) Kemaluan akan terluka (terutamanya baru bersalin) jika mengangkang kaki semasa membuang air kecil.

b) *Analisis Relevan*

Ujaran ini mempunyai banyak kesan konteks kerana pengetahuan umum bahawa setelah seseorang wanita bersalin, kemaluannya akan luka. Bahkan sesetengah wanita terutamanya yang sukar melahirkan kerana lubang faraj terlalu sempit, bahagian faraj perlu dibedah pada ukuran yang dikehendaki. Selepas dibedah, luka tersebut perlu dijahit semula. Kesemua ini akan menjadi faraj luka dan memerlukan masa untuk sembuh. Jika dalam keadaan yang masih luka dan seseorang itu mengangkang kaki, secara langsung luka yang sedia ada akan bertambah dan untuk yang mengalami jahitan, mungkin jahitan akan terbuka. Situasi ini amat diketahui di kalangan kaum ibu Kedayan dan bidan-bidan kampung. Begitu juga wanita itu sendiri, dengan sedar akan adanya luka pada kemaluan, maka luka akan mudah terkoyak jika mengangkang kakinya. Justeru itu, dengan adanya pengetahuan umum dan mafhum tentang keadaan badan sendiri, maka usaha memproses untuk maksud pantang larang ini sangat rendah dan mencapai relevan yang optimum.

DATA 003:

//Bahiaa jaan mangajan kuat. Banyakkan minum aing atau aing sup//
Berak jangan meneran dengan kuat. Perlu banyak *minum air* atau air sup dengan banyak

Pantang larang ini berupa nasihat, iaitu menasihati wanita yang bersalin supaya banyak minum air agar tidak menghadapi sembelit. Kedua-dua ayat ini sekilas pandang tidak menampakkan kesinambungan kerana tidak menunjukkan hubungan langsung antara “meneran semasa membuang air besar” dengan “minum air”. Adakah ujaran ini tidak relevan?

a) *Rangka Rujuk Silang*

Namun dengan berdasarkan anteseden *berak*, pendengar mampu memahami ujaran ini dan

selanjutnya mengetahui bahawa meneran akan melukakan faraj yang luka, dengan berdasarkan andaian implikatur sebagai Rangka Rujuk Silang yang dibina:

- 1) Meminum air dapat mencegah sembelit.
- 2) Meneran kuat kerana sembelit akan melukakan bahagian faraj (kerana berdekatan).

b) *Analisis Relevan*

Jika berdasarkan konteks atau andaian yang dibuat, sebenarnya ujaran ini mempunyai kesan konteks yang banyak, iaitu dalam kognitif penutur, mereka telah dilengkapi dengan pengetahuan ensiklopedia bahawa meminum air dapat melancarkan penghadaman. Amalan ini malah selalu dipesan oleh doktor kepada pesakit. Sehubungan dengan itu, usaha yang diperlukan untuk memproses ujaran ini amat rendah, walaupun tiada kesinambungan antara dua bahagian ayat. Bertitik tolak daripada konteks tersebut, pendengar secara langsung akan mengetahui hubungan antara “minum air” – “berak” – “meneran” dengan keperluan menjaga bahagian faraj yang luka ketika membuang air besar.

DATA 004:

//Minum aing kunyit. Paranakan bulih kacut//
 Minum air kunyit. Peranakan boleh dikecutkan.

Pantang larang ini berkaitan dengan petua menggalakkan wanita bersalin memakan herbal untuk tujuan kesihatan. Sebelum perubatan moden, sesungguhnya masyarakat tradisional telah ada cara pengubatan tradisional yang mampu mengubati penyakit, baik penyakit yang berpunca daripada alam fizikal (seperti demam, batuk, wabak dan sebagainya), mahupun penyakit yang berpunca dari metafizik (seperti rasukan jin). Pada zaman tersebut, ramuan untuk ubat-ubatan yang digunakan untuk penyembuhan terdiri daripada tumbuh-tumbuhan di sekitar masyarakat. Ini sejajar dengan hujah Herpanus (2011) iaitu “*penggunaan tumbuhan secara tradisional sangat penting dalam kebanyakan masyarakat. Tumbuhan dari dulu sampai sekarang pun sudah menjadi suatu bahagian yang inti dan berpadu dengan kehidupan masyarakat tempatan... Selain sebagai bahan bangunan, makanan ternak, senjata, bahagian daripada ritual adat dan barang-barang yang lain, tanaman secara khusus penting sebagai ubat tradisional*”.

Penggunaan kunyit sebagai ubat dalam kalangan suku Kedayan juga adalah antara perubatan tradisional yang diwarisi. Untuk wanita yang bersalin, air kunyit dipercayai boleh meningkatkan pengaliran darah, mengecutkan peranakan dan membuang darah kotor di rahim. Kepercayaan ini juga terdapat pada suku Dayak Desa di Kalimantan Barat. Menurut Herpanus (2011), air perahan daripada kunyit hidup diminum oleh wanita suku Dayak Desa selepas mereka bersalin. Begitu juga dengan masyarakat Melayu. Amalan meminum air kunyit turut sangat popular sejak turun temurun. Tinjauan maklumat di atas talian (<http://doktersehat.com/manfaat-kunyit-untuk-masalah-wanita/>) mendapati bahawa khasiat kunyit kepada wanita adalah seperti merawat kitaran haid yang tidak teratur, mengatasi keputihan pada wanita, meredakan kesakitan pada bahagian bawah perut sebelum dan selepas haid.

a) Rangka Rujuk Silang

Penggunaan tumbuhan untuk perubatan tidak terhad pada tabib, dukun atau pakar perubatan sahaja. Sesiapa sahaja yang menganggap sesuatu tumbuhan mujarab untuk kesihatan, maka tumbuhan tersebut akan diamalkan secara berterusan. Ramuan-ramuannya bahkan diwarisi daripada generasi ke generasi. Pewarisan sedemikian secara tidak langsung menyebarkan pengetahuan lokal masyarakat tentang kegunaan sesuatu tumbuhan. Dengan itu, walaupun ujaran ini tanpa anteseden, namun berdasarkan maklumat ensiklopedia yang ada pada pendengar, mereka masih berupaya memahami makna tujuan ujaran tersebut, iaitu demi kesihatan wanita yang bersalin. Berikut adalah andaian dalam Rangka Rujuk Silang yang dibentuk:

- 1) Semua wanita Kedayan di kampung ini minum air kunyit selepas mereka bersalin.

Sehubungan dengan itu, bagi masyarakat Kedayan, konteks untuk pantang larang ini mudah terbentuk kerana mereka didedahkan ataupun terdedah dengan pengetahuan tradisi ini sejak muda lagi. Melalui penggabungan maklumat, iaitu meminum herbal baik untuk kesihatan dan kunyit secara tradisi diamalkan oleh wanita Kedayan yang bersalin, maka pendengar boleh memperoleh kesan konteks yang tinggi. Dengan kesan konteks yang tinggi, pendengar berupaya memproses makna tersirat ujaran ini dengan mudah kerana secara tradisi, rata-rata daripada mereka meminum air kunyit ketika berpantang.

Pada hemat penulis, oleh kerana amalan mengambil air kunyit agak sejangat di alam Melayu, jadi tidak sukar untuk penutur di luar lingkungan Kedayan memahami ujaran tersebut juga. Ini juga menunjukkan bahawa masyarakat alam Melayu yang berdiversiti daripada suku etnik berkongsi ilmu perubatan tradisional tertentu. Keadaan ini mungkin disebabkan oleh faktor saling mempengaruhi sesama mereka. Di samping itu, ini juga membuktikan bahawa masyarakat zaman lampau memiliki ilmu perubatan yang tinggi, walaupun tiada teknologi perubatan yang canggih. Namun susulan pemodenan yang melanda setiap pelosok masyarakat di dunia, pengetahuan lokal tersebut kelihatan mengalami kepunahan. Kajian Herpanus (2011) tentang pengetahuan lokal masyarakat Dayak Desa tentang tumbuhan famili palma telah membuktikan remaja Dayak telah kurang mengenali nama-nama spesies tumbuhan tersebut.

b) Analisis Relevan

Minum air perahan kunyit dapat menyembuhkan luka dengan cepat dan sifat kunyit yang boleh meningkatkan pengaliran darah dengan lancar dan air pati kunyit juga bagus untuk mengecutkan peranakan dan membuang darah yang kotor. Pendengar apabila diujarkan tentang air kunyit, pendengar terus berandaian bahawa kunyit merupakan sejenis air pati yang baik untuk mengecutkan peranakan. Ini kerana di mana-mana masyarakat, biasanya menggunakan herba kunyit buat rawatan setelah bersalin. Jadi pendengar berandaian dan ini merupakan konteks. Manakala kesan konteks hasil daripada penggabungan kedua-dua maklumat lama dan baru itu, menimbulkan kesan konteks. Ini merupakan amalan yang baik bagi ibu selepas melahirkan. Lebih banyak konteks diperoleh semakin relevan andaian ini. Ternyata ibu yang meminum air pati kunyit banyak kebaikan diperoleh. Usaha memproses juga rendah kerana telah diketahui air kunyit mendatangkan kebaikan dan memang diketahui bahawa seandainya ibu melahirkan tidak memakan jamu-jamu atau rawatan lepas melahirkan, kesannya boleh menjadikan penyakit sakit-sakit badan dan luka dalam lama untuk sembuh. Unsur tersirat di sebaliknya adalah untuk kesihatan ibu mengandung tersebut dan untuk kebaikan.

DATA 005

//Minum talu hayam, isinya kuning atu campuu madu sama halia sadikit. Muaah baanak tu//
Minum telur ayam isi kuning campur madu dan halia sedikit. Akan mudah semasa beranak.

Pantang larang ini juga berkenaan dengan amalan pemakanan yang membantu melancarkan proses kelahiran seseorang wanita. Amalan pemakanan ini juga melibatkan perubatan tradisional.

a) *Rangka Rujuk Silang*

Ujaran berbentuk pantang larang jenis nasihat ini juga mudah ditafsirkan. Pendengar dengan mudahnya boleh mengetahui maksud ujaran “akan mudah semasa beranak” dengan maklumat anteseden bahagian ayat pertama, iaitu “jika minum air campuran kuning telur, madu dan halia”. Namun demikian, bagaimanakah nasihat ini bertapak kukuh dalam hati masyarakat Kedayan dan diamalkan turun temurun? Maksudnya bagaimanakah setiap wanita hamil yakin pada amalan pemakanan tersebut? Walaupun ayat pertama menjadi anteseden untuk memahami ujaran tersebut, namun unsur tersirat yang meyakinkan mereka memerlukan Rangka Rujuk Silang. Seperti yang diterangkan sebelum ini, bukan setiap masyarakat zaman dulu adalah pakar perubatan tradisional (kecuali tabib, pawang atau dukun), golongan ini tidak mengetahui khasiat pemakanan tersebut secara saintifik. Namun oleh kerana kebergantungan yang erat pada persekitaran yang ditumbuhi dengan tumbuh-tumbuhan, maka mereka akan menyerap pengetahuan tertentu tentang penggunaan herbal, melalui pendedahan pada pengamal-pengamal sebelum ini. Justeru itu, akan wujud konteks pada mereka bahawa mengamalkan sesuatu ramuan, akan bermanfaat untuk tujuan tertentu. Jadi Rangka Rujuk Silang yang dibentuk untuk memahami ujaran ini berkait dengan pengetahuan kebudayaan dan bukan pengetahuan perubatan.

- 1) Semua wanita yang hamil di kampung ini meminum air campuran kuning telur, madu dan halia.

Jika diamati, Rangka Rujuk Silang yang dibentuk tidak lebih daripada sejenis amalan biasa yang lazim diamalkan oleh masyarakat. Konteks tersebut hanya berfungsi dalam lingkungan masyarakat tertentu sahaja. Di luar lingkungan masyarakat

tersebut, konteks ini tidak mampu memainkan peranan pragmatik lagi, melainkan kebudayaan ini diamalkan secara sejagat.

b) *Analisis Relevan*

Dengan dilengkapi maklumat ensiklopedia tentang amalan pemakanan tradisional, yakni melalui penggabungan daripada pengetahuan pengalaman, wanita Kedayan yang sedang hamil mempunyai kesan konteks yang tinggi untuk mentafsirkan maknanya apabila pantang larang seperti ini ditujukan kepada mereka. Mereka tidak menghadapi sukar untuk memproses makna-makna tersebut kerana amalan pemakanan ini lumrah diamalkan oleh semua wanita berkahwin di kawasan tersebut. Sehubungan dengan itu, ujaran pantang larang ini mencapai relevan yang optimum bagi komuniti Kedayan di Brunei.

DATA 006:

// Inda bulih bajalan masa hujan haie batian. Kang badan uang batian jadi damam//
Tidak boleh berjalan di hujan semasa hamil. Nanti badan si ibu akan demam.

Telah dibincangkan sebelum ini bahawa pentafsiran ujaran banyak bergantung kepada latar belakang atau pengalaman sesebuah masyarakat. Dua huraian (DATA 006 & DATA 007) berikut berfokus kepada analisis Rangka Rujuk Silang pada struktur kalimatnya. Kedua-dua data ini mempunyai anteseden yang jelas dan masyarakat bukan Kedayan turut mampu menafsirkan maksudnya.

a) *Rangka Rujuk Silang*

Untuk mentafsir ujaran pantang larang ini, pendengar akan mengetahui punca *demam* dengan berdasarkan anteseden *berjalan di hujan*. Andaian implikatur yang dibina ialah seperti berikut:

- 1) Terkena air hujan akan menyebabkan demam
- 2) Ibu hamil perlu elak daripada terkena hujan supaya tidak demam.

b) *Analisis Relevan*

Pantang larang mempunyai dua konteks yang jelas, iaitu (1) konteks pengetahuan am bahawa akan demam jika terkena air hujan, dan (2) pada struktur ayat itu sendiri yang mengandungi anteseden *berjalan di hujan*. Melalui penggabungan dua konteks ini,

maka kesan konteks adalah tinggi. Berdasarkan Teori Relevan, kesan konteks yang tinggi akan membawa kepada usaha memproses yang rendah. Dengan itu, pendengar akan dengan mudahnya memahami makna ujaran tersebut, iaitu terkena air hujan akan menyebabkan seseorang demam.

DATA 007:

//Sabalum abis pantang, nda bulih bamput. Bahaya untuk bini//
Sebelum habis pantang tidak boleh bersetubuh.
Bahaya untuk isteri.

Dalam ujaran pantang larang ini, jika makna kata *bahaya* diterangkan pada peringkat semantik akan membawa makna “sesuatu yang mendatangkan bencana (kecelakaan, nahas, dll)” (Kamus Dewan 2005). Berdasarkan definisi tersebut, seolah-olahnya ayat tersebut mengalami peningkatan makna, iaitu meningkat ke tahap yang serius sedangkan *bahaya* dalam konteks ayat cuma bermaksud “tidak baik atau tidak elok” sahaja. Perbuatan *bahaya* tersebut tidak semestinya telah dilakukan dan penerima sedang menderita. Rangka Rujuk Silang untuk ayat di atas adalah:

a) *Rangka Rujuk Silang*

Dalam ayat pantang larang ini, terdapat dua anteseden, iaitu *sebelum habis pantang* dan *bersetubuh* dapat mencerminkan maksud *bahaya* tersebut. Pendengar yang mendengar ujaran ini akan mengetahui makna kata *bahaya* tersebut merujuk kepada kesan jika berhubungan seks ketika baru bersalin, dengan membentuk andaian-andaian seperti berikut:

- 1) Kemaluan wanita belum sembuh lagi ketika berpantang.
- 2) Jika terdapat tusukan zakar, kemaluan akan bertambah cedera.
- 3) Kemaluan wanita akan mengalami infeksi.

b) *Analisis Relevan*

Ujaran ini juga mencapai tahap relevan yang optimum kerana terdapat pembentukan kesan konteks melalui proses penguatan. Menurut Nor Hasimah Jalaluddin (2003), penguatan maklumat ialah proses apabila andaian awal pendengar dapat dikuatkan dengan maklumat baharu yang diperolehi. Maklumat tersebut adalah yang disahkan betul membentuk kesan konteks yang baik dan berguna

untuk membantu pendengar menginterpretasi makna ujaran sebenar. Dalam hal ini, pantang larang ini mengandungi dua anteseden sebagai rujuk silang iaitu *sebelum habis pantang* dan *bersetubuh*. Kedua-dua anteseden ini memperkuatkan lagi tafsiran maksud *bahaya* pada bahagian kedua ayat iaitu bermaksud “tidak baik melakukan hubungan seks selepas baru bersalin” dan bukan makna harfiah *bahaya* yang bertahap serius.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, tujuh pantang larang berkaitan dengan amalan kesihatan yang dipilih telah diberi kupasan Ranga Rujuk Silang dan dianalisis dengan Teori Relevan (melihat kesan konteks dan usaha memprosesnya). Hasil analisis mendapati bahawa terdapat dua jenis pantang larang iaitu yang ujaran yang mengandungi anteseden. Kedua ialah pantang larang yang tidak mengandungi anteseden sama sekali. Bagi ujaran pantang larang yang mengandungi anteseden, ia berfungsi menyediakan andaian-andaian yang diperlukan untuk pentafsiran maksud ujaran. Sebagai contoh pantang larang (*jangan minum air sejuk, akan memberi kambuh dan menggigil badan, Jangan kengkang-kengkang semasa kencing, takut lukanya jadi koyak besar, Berak jangan meneran dengan kuat perlu banyak minum air atau air sup dengan banyak, Tidak boleh berjalan di hujan semasa hamil nanti badan si ibu akan demam, dan Sebelum habis pantang tidak boleh bersetubuh, bahaya untuk isteri* Namun demikian, terdapat pantang larang yang walaupun mempunyai anteseden, namun anteseden tidak menyediakan Rangka Rujuk Silang yang memadai untuk pentafsiran. Contohnya pantang larang *minum air kunyit, peranakan boleh dikecutkan dan minum telur ayam isi kuning campur madu dan halia sedikit akan mudah semasa beranak*. Untuk mentafsir contoh ujaran ini, ia amat bergantung kepada konteks budaya iaitu pengetahuan dan pengalaman yang ada pada pendengar. Jika seseorang itu dilengkapi dengan latar belakang pengetahuan mengenai aspek ini, ujaran tersebut menjadi relevan. Bagi komuniti suku Kedayan, justeru kerana pantang larang jenis amalan kesihatan ini didedahkan dan diwarisi secara turun temurun, maka mereka tidak bermasalah mentafsir ujaran yang dikaitkan dengan konteks pengetahuan. Sesungguhnya, pengetahuan kebudayaan amat penting dalam pentafsiran pantang larang. Untuk

jenis ujaran pantang larang yang tiada anteseden langsung, pendengar masih mampu membentuk andaian-andaian untuk Rangka Rujuk Silang kerana dilengkapi dengan pengetahuan kebudayaan atau pengetahuan umum. Jadi pendengar dapat mentafsir makna ujaran walaupun cuma satu andaian implikatur yang dibina. Jika kesan konteks tinggi, jadi usaha memproses akan rendah. Oleh itu, ujaran itu akan menjadi semakin relevan. Adapun daripada segi kerelevanan ujaran berbentuk pantang larang, hasil analisis mendapati bahawa pantang larang amalan kesihatan mencapai relevan yang optimum. Pendengar tidak perlu membentuk andaian-andaian yang kompleks untuk memahaminya. Ini secara langsung telah merendahkan usaha memproses makna tersirat yang terkandung di dalamnya.

NOTA

- ¹ Merupakan bekas pemain tennis No 1 dunia. Lihat http://en.wikipedia.org/wiki/Andre_Agassi

RUJUKAN

- Ahmad Harith Syah & Nor Hashimah Jalaluddin. 2009. Penelitian Makna Imbuhan Pen- Dalam Bahasa Melayu: Satu Kajian Rangka Rujuk Silang. *GEMA Online Journal of Language Studies* 9(2): 57-72.
- Ahmad Harith Syah & Suzzana Bte Othman. 2012. Imbuhan Akhiran Kata Nama –an dalam bahasa Melayu: Analisis berdasarkan Teori Relevans. *Proceeding of The 2nd International Conference on Art, Social Science & Technology. Penang, Malaysia 3rd – 5th March.*
- Barsalou, L.W. 1987. The Instability of Graded Structure: implications for the nature of concepts. *Journal of Experimental Psychology: Learning Memory and Cognition* 11(4): 101-140.
- Clark, H.H. & Haviland, S.E. 1977. Comprehension and the given-new contract. In R.O.Freedle (Ed). *Discourse production and comprehension*. Norwood: Ablex.
- Herpanus. 2011. *Fungsi Tumbuhan Cekur (Kaempferia galangal L.) dan Setawar (Costus Speciosus) dalam Kehidupan Tradisional Suku Dayak Desa*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamus Dewan*. 2005. Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kempson, R. 1986. Ambiguity and the Semantics-Pragmatics Distinction dlm. Travis, C. (ed.) *Meaning and interpretation*. Oxford: Basil Blackwell.
- Matsui, T. 2000. Bridging and Relevance. Phd. Thesis, University of London.
- Nor Hashimah Jalaluddin. 1992. *Semantik dan Pragmatik: Satu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaludin. 2003. *Bahasa dalam Perniagaan, Satu Analisis Semantik dan Pragmatik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wilson, D & Matsui, T. 1998. Recent approaches to bridging: Truth, coherence, relevance *UCL Working Papers in Linguistics* 10: 173-200. University College London.
- Wilson, D. & Sperber, D. 1986. *Relevance: Communication and Cognition*. Oxford: Blackwell.
- Wilson, D. & Sperber, D. 1995. *Relevance: Communication and Cognition (2nd Ed.)*. Oxford: Blackwell.
- Wong Shia Ho. 2014. Penggunaan Simbol Dalam Teks Ucapan Tunku Abdul Rahman: Analisis Teori Relevans. *Jurnal Bahasa* 14(1): 60-92.
- Yan Huang. 2000. *Anaphora: A Cross-Linguistics study*. Oxford: Oxford University Press.

LAMAN WEB

- <http://doktersehat.com/manfaat-kunyit-untuk-masalah-wanita/>
20/1/2018

Ernie Zahdin bte Hj. Md Seruddin
Calon PHD
Institut Alam dan Tamadun Melayu
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor
Email: er_dina@hotmail.com

Diserahkan: 26 Februari 2018
Diterima: 4 Mei 2018

